

Jangan perolok konsep Islam Hadhari – Abdullah



KEPALA BATAS 16 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi amaran kepada pihak tertentu termasuk ahli-ahli politik agar jangan cuba memperolok-olokkan konsep Islam Hadhari yang diperkenalkannya yang kini diterima baik oleh semua kaum di negara ini dan masyarakat antarabangsa.

Bagi Perdana Menteri, perbuatan pihak berkenaan memperlekeh dan memandang rendah konsep Islam Hadhari adalah satu kesalahan besar yang perlu diperbaiki.

Beliau yang pada mulanya enggan mendedahkan pihak yang dimaksudkan itu akhirnya mengakui terdapat ahli-ahli politik yang bersikap sedemikian.

"Mestilah siapa lagi, boleh jadi mereka tidak suka kerana ia tidak baik untuk politik mereka," kata Abdullah ketika ditanya mengenai pihak manakah yang memperolok dan memperlekehkan Islam Hadhari.

Menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar selepas melancarkan Perkampungan Hadhari peringkat kebangsaan di sini hari ini, beliau berkata:

"Manakala yang buat itu (perlekehkan Islam Hadhari), tulis macam-macam, tidak payahlah dilayan sangat.

Um - 17/3/2007
Mereka memperlekehkan sesuatu yang dianggap sudah baik, sudah mula diterima orang

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

"Mereka memperlekehkan sesuatu yang dianggap sudah baik, sudah mula diterima orang, sudah sedia menjadi panduan tetapi ada usaha-usaha hendak perlekeh. Saya rasa tidak seronok tetapi saya percaya kepada kekuatan iman seseorang akan dapat membawa kepada kebahagiaan."

Menurutnya, sejak konsep Islam Hadhari diperkenalkan, ia diterima baik oleh masyarakat pelbagai kaum dan agama. Usaha yang boleh dilihat menepati konsep itu adalah membina modal insan dan minda kelas pertama serta memperluaskan peluang ekonomi menerusi pembangunan kawasan mundur agar setanding dengan kawasan yang telah lama maju.

"Kita sama-sama terima dan akui bahawa membina minda kelas pertama dan modal insan ini satu langkah yang penting menepati prinsip Islam Hadhari. Begitu juga dengan memperluaskan peluang-peluang ekonomi dan membangunkan kawasan-kawasan supaya seimbang agar tidak

ada kawasan tertinggal, tidak ada kawasan yang terlalu maju," jelasnya.

Katanya, penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari juga boleh dilihat pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang mengambil masa hampir tiga jam membincangkannya.

Menurutnya, para pemimpin parti komponen BN mahu memastikan Islam Hadhari tidak menimbulkan konflik agama serta menghalang kebebasan beragama.

"Kita terangkan satu persatu... saya kata sebagai orang Melayu beragama Islam dan menjadi Perdana Menteri, kalau keadilan itu yang dikehendaki agama saya, Islam Hadhari itu menjadi satu ajaran diikuti, adakah ini jadi satu kesalahan, mengapa tidak?"

"Saya katakan kepada pemimpin peringkat bawahan hingga Jawatankuasa Pusat MCA pada seminar khas di Bukit Tinggi, tidak ada satu persoalan pun di sekitar konsep Islam Hadhari," jelas Perdana

Menteri.

Dalam pada itu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Abdullah berkata, Islam Hadhari yang dilaksanakan berasaskan al-Quran dan hadis begitu murni dan tidak akan menimbulkan konflik antara Islam dan bukan Islam, sebaliknya akan membantu membawa kemajuan ummah dan negara.

"Umat Islam yang tidak sama mazhab mereka juga tidak akan berhadapan dengan masalah dengan pelaksanaan Islam Hadhari," katanya.

Perdana Menteri yakin umat Islam dan rakyat negara ini tidak akan berhadapan dengan masalah jika mereka menghayati prinsip Islam Hadhari yang turut menarik minat negara-negara Islam yang lain.

"Islam Hadhari mempunyai nilai universal seperti amanah, keadilan, mengutamakan ilmu, ekonomi, alam sekitar dan merangkumi pelbagai sektor," katanya.

Beliau berkata, banyak cendekiawan, ahli akademik dan pemimpin agama dari beberapa negara termasuk Jerman, United Kingdom, Australia dan New Zealand berminat terhadap konsep Islam Hadhari dilaksanakan Malaysia dan melihatnya dengan perspektif yang baik.